

Ekonomi Malaysia : Potensi Durian, Pelancongan dan Kepimpinan Berkualiti

Chor Foon Tang

tcfoon@usm.my

Pengenalan

Pertumbuhan ekonomi merupakan satu aspek ekonomi yang amat penting dalam kalangan para pelabur, ahli-ahli politik, penyelidik, serta rakyat jelata. Hal ini kerana pertumbuhan ekonomi bukan sahaja berupaya meningkatkan taraf hidup rakyat, malah jika tidak diurus dengan baik, ia boleh mengundang pelbagai masalah sosial dan ekonomi seperti jenayah, pengangguran, pencemaran alam sekitar, kebuluran, dan sebagainya (Tang dan Darit, 2015). Justeru, penggubal dasar dan pakar-pakar ekonomi di seluruh dunia sentiasa berusaha untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara yang seimbang demi menjamin kesejahteraan rakyat.

SEPINTAS LALU

Ringkasan kertas dasar ini menilai peranan pemangkin ekonomi seperti eksport buah durian, pelancongan, kualiti kepimpinan, dan beberapa pemangkin yang lain dalam menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan di Malaysia. Antara saranan yang diutarakan hasil daripada analisis kajian adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan Penanaman Buah Durian Melalui Insentif

- Memberikan subsidi, insentif cukai and pemansuhan tarif eksport.
- Pengagihan tanah untuk meningkatkan penanaman durian serta sumbangannya kepada ekonomi negara.

2. Memperluas Pasaran Durian Antarabangsa

- Memasarkan durian Malaysia ke pasaran utama antarabangsa seperti Singapura, Hong Kong, dan China.
- Menggunakan pendekatan lestari untuk mengelakkan kesan negatif terhadap sektor pelancongan dan pasaran domestik.

3. Mengawal Eksport Durian Berkualiti Tinggi

- Memperkenalkan kuota eksport terhadap jenis-jenis buah durian yang berstatus premium seperti Musang King, Black Thorn, dan Udang Merah.
- Memastikan buah durian dalam negara yang berkualiti tinggi sambil menarik pelancong antarabangsa ke Malaysia semasa musim durian.

4. Memajukan Pelancongan Berkaitan Durian

- Bekerjasama dengan industri pelancongan dan penerbangan dalam mempromosikan pakej pelancongan bertemakan durian.
- Menarik pelancong asing melalui pakej lawatan ke dusun-dusun durian dalam negara. Secara tidak langsung, hal ini mambantu dalam meningkatkan pendapatan pengusaha dusun durian tempatan, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi melalui kesan pengganda.


5. Meningkatkan Kualiti Kepimpinan Negara

- Menekankan kepimpinan yang berkualiti melalui kestabilan politik, pencegahan rasuah dan tadbir urus yang telus.
- Mengelakkan pelantikan yang bersifat politik dalam jabatan kerajaan, badan-badan berkanun, serta syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC).
- Memperkukuh agensi pencegahan rasuah supaya dapat beroperasi secara bebas dan berkesan.

6. Menerapkan Nilai-Nilai Kepimpinan Yang Baik dalam Sistem Pendidikan Tinggi

- Menerapkan nilai kepimpinan yang etika, telus, dan proaktif dalam kurikulum pendidikan tinggi.
- Melahirkan generasi pemimpin masa depan yang mampu menggubal dasar ekonomi negara yang seimbang, mampan, dan berwawasan jauh.

Box 1



Rajah 1: Kadar pertumbuhan KDNK (%) bagi negara berpendapatan menengah, 1990 – 2023
Sumber: World Development Indicators, World Bank.

Seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia dari tahun 1990 hingga 2000 adalah sekitar 6%. Kadarnya dilihat sentiasa melebihi purata kadar pertumbuhan KDNK negara berpendapatan menengah (ataupun negara sedang membangun) yang lain. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan KDNK Malaysia semakin merosot, khususnya selepas tahun 2000, dan kadarnya sentiasa berada di bawah negara-negara membangun yang lain. Situasi ini semakin memburuk natijah daripada penularan wabak COVID-19 pada penghujung tahun 2019 serta ketidakstabilan politik Malaysia. Kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia merosot dengan mendadak kepada sekitar -6.8% pada tahun 2020. Penurunan ini jauh lebih ketara berbanding dengan negara-negara berpendapatan menengah atas dan menengah bawah, yang masing-masing mencatatkan -1.1% dan -4.9%. Tampaknya, landasan Malaysia menuju status negara maju semakin mencabar. Justeru, penerokaan strategi pemangkin ekonomi yang mampan amat diperlukan untuk menjamin kelestarian pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Malaysia secara keseluruhannya merupakan sebuah negara yang kaya dengan sumber alam semula jadi serta flora dan fauna yang menarik perhatian para pelancong dari seluruh pelosok dunia. Di samping itu, lokasinya yang strategik di Selat Melaka turut memainkan peranan penting dalam perdagangan antarabangsa. Ekoran daripada itu, sektor pelancongan dan eksport merupakan antara sektor utama dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara (Tang and Tan, 2015). Tambahan pula, Malaysia telah disenaraikan sebagai salah satu daripada 5 destinasi pelancongan paling popular di rantau Asia -Pasifik. Pada tahun 2019, Malaysia berjaya menarik seramai 26.1 juta pelancong asing yang menyumbang sekitar 15.9% kepada KDNK negara (Jabatan Perangkaan Malaysia – DOSM, 2019). Namun begitu, jumlah ketibaan pelancong asing menurun secara mendadak kepada hanya 0.14 juta pada tahun 2021 akibat pandemik COVID-19, akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta amalan penjarakkan sosial (UN Tourism, 2024). Walau bagaimanapun, setelah PKP ditamatkan, sektor pelancongan mula menunjukkan tanda pemulihan dengan ketibaan pelancong asing meningkat kepada 10.1 juta pada tahun 2022 dan 20.1 juta pada tahun 2023.

Selain pelancongan, eksport turut menjadi tulang belakang ekonomi Malaysia. Menurut National Trade Blueprint 2021 – 2025, sekitar 66% daripada KDNK tahun 2019 adalah disumbangkan oleh eksport barangan dan perkhidmatan (Ministry of International Trade and Industry, 2021). Sumbangan ini meningkat kepada 77% pada tahun 2022. Lebih menarik lagi, eksport perkhidmatan turut melonjak sebanyak 59.3% daripada RM88.1 bilion pada tahun 2021 kepada RM140.3 bilion pada tahun 2022 (Alias, 2023). Antara barangan eksport negara, durian muncul sebagai penyumbang utama dalam kategori buah-buahan. Pada tahun 2022, sebanyak 58.6% ataupun sekitar RM1.178 bilion daripada jumlah nilai eksport buah-buahan yang bernilai RM2.01 bilion adalah hasil daripada pengeksportan buah durian (lihat Rajah 2).



Rajah 2: Hasil pengeksportan durian Malaysia
Sumber: Bernama (2024)

Meskipun sektor pelancongan dan eksport sering diketengahkan sebagai pemangkin utama pertumbuhan ekonomi Malaysia, kajian ini bertujuan untuk meneroka sejauh manakah pengeksportan buah durian, pelancongan, dan kualiti kepimpinan negara menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Hal ini penting kerana pengeksportan buah durian yang tidak terkawal berpotensi menjejaskan sektor pelancongan, memandangkan buah-buahan tropika, khususnya buah durian boleh juga dijadikan daya tarikan pelancongan yang unik bagi Malaysia.

Seperkara lagi, kualiti kepimpinan memainkan peranan penting dalam menjamin kemampanan ekonomi. Ini kerana kepimpinan negara yang berkualiti sering menjadi faktor penentu dalam mengekalkan keyakinan pelabur domestik dan asing, yang seterusnya mempengaruhi aliran pelaburan modal dan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan (Tang, 2023). Sebaliknya, kepimpinan yang lemah dan tatakelola yang tidak cekap sering dikaitkan dengan masalah seperti rasuah, ketidakcekapan pengurusan sumber, serta kejatuhan keyakinan pelabur-pelabur asing mahupun tempatan. Menurut Indeks Persepsi Rasuah yang diterbitkan oleh Transparency International, Malaysia menduduki tangga Ke-51 daripada 180 negara pada tahun 2019 dan turun ke tangga Ke-61 pada tahun 2022. Ini mencerminkan keperluan mendesak untuk memperbaiki tatakelola dan meningkatkan kualiti kepimpinan negara.

Justeru, ringkasan kertas dasar ini bertujuan untuk menilai dan mengetengahkan peranan pemangkin ekonomi seperti eksport buah durian, pelancongan, kualiti kepimpinan, dan sebagainya dalam menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan di Malaysia. Selain itu, kertas dasar ini juga mengemukakan saranan-saranan dasar untuk memperkukuh kesinambungan antara sektor-sektor tersebut agar sumber ekonomi negara dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

2. Penemuan Utama

Satu kajian analisis data siri masa telah dijalankan untuk melihat hubungan dan peranan eksport durian, pelancongan, kualiti kepimpinan serta perbelanjaan pelaburan modal dalam menjana pertumbuhan ekonomi Malaysia. [1] Hasil kajian mendapati:

- Pertumbuhan ekonomi Malaysia dipengaruhi oleh pemangkin-pemangkin ekonomi seperti perbelanjaan pelaburan modal, pelancongan, eksport durian, dan juga kualiti kepimpinan.
- Dari segi impak purata, kualiti kepimpinan negara (2.3%) dikenal pasti sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi yang paling penting, diikuti oleh perbelanjaan pelaburan modal (0.53%), pelancongan (0.51%), dan eksport durian (0.09%).
- Kesan sektor pelancongan terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia sangat bergantung kepada perbelanjaan pelaburan modal. Pelaburan modal bukan sahaja mencipta peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi, malah juga mendokong pembangunan pelbagai prasarana, termasuklah pengangkutan, kemudahan riadah, prasarana pendidikan, penjagaan kesihatan, dan perhotelan. Kesemua ini secara tidak langsung merencanakan lagi perkembangan sektor pelancongan, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.
- Walaupun eksport durian turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, tetapi pengeksportan durian yang tinggi (nilai benar eksport tahunan melebihi RM14 juta) dijangka akan menjejaskan sumbangan sektor pelancongan kepada pertumbuhan ekonomi. Ini kerana buah durian di Malaysia seharusnya menjadi daya tarikan unik kepada pelancong asing akan kehilangan nilai eksklusifnya apabila pengeksportannya terlalu tinggi dan tidak terkawal. Para pelancong berpotensi mungkin tidak perlu lagi melawat Malaysia untuk menikmati buah durian, sekali gus menjejaskan industri pelancongan negara.
- Kualiti kepimpinan yang baik bukan sahaja untuk memastikan kelestarian ekonomi, malah turut mempengaruhi keberkesanan eksport durian dan pelaburan modal terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia. Kepimpinan negara yang telus, adil dan saksama akan meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur tempatan mahupun asing untuk terus melabur. Justeru, kepimpinan negara yang berkualiti merupakan faktor tarikan utama bagi kedua-dua pelaburan tempatan mahupun asing yang seterusnya berupaya merangsang pertumbuhan ekonomi negara serta merencanakan lagi aktiviti perdagangan antarabangsa, khususnya pengeksportan durian.

[1] Mengikut sorotan karya lepas seperti Tan et al. (2010), dan Tang dan Lim (2024), kualiti kepimpinan boleh diukur dengan melihat dari sudut keupayaan pemimpin negara dalam mencegah rasuah, menstabilkan politik, meningkatkan keberkesanan tatakelora kerajaan, kebebasan bersuara, dan kebertanggungjawaban.

3. Saranan Dasar

Berdasarkan penemuan-penemuan kajian tersebut, beberapa saranan dicadangkan bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Antaranya ialah:

1. Menggalakkan Penanaman Durian Melalui Insentif: Memandangkan eksport durian menguntungkan ekonomi negara, maka kerajaan Persekutuan Malaysia mahupun Negeri harus bersependapat dalam menggalakkan tanaman durian melalui subsidi, insentif cukai dan pemansuhan tarif eksport serta pengagihan tanah untuk pertanian.

2. Memperluas Pasaran Durian Antarabangsa: Kerajaan juga harus memperluas pasaran buah durian tempatan dengan mengadakan pelbagai kempen untuk mempromosikan buah berkenaan ke peringkat global seperti di Singapura, Hong Kong dan China. Namun begitu, pendekatan berhemah perlu dipupuk dalam usaha-usaha sedemikian kerana perkembangan industri pengeksportan durian yang terlalu pesat dan tidak terkawal berupaya menjejaskan sektor pelancongan di Malaysia.

3. Mengawal Eksport Durian Berkualiti Tinggi: Pengeksportan durian yang tidak terkawal mungkin mengakibatkan rakyat negara terpaksa menikmati buah durian tempatan dengan harga tinggi yang tidak sepadan dengan kualitinya. Ini kerana buah durian gred tinggi akan dipasarkan di luar negara bagi mengaut keuntungan lumayan sekali gus meningkatkan harga buah berkenaan dalam pasaran tempatan. Justeru, kajian ini menyarankan bahawa penggubal dasar perlu mengenakan kuota eksport ke atas durian bergred tinggi, khususnya Musang King, Black Thorn, Udang Merah dan sebagainya. Kuota eksport seumpama itu mampu menarik pelancong asing khususnya peminat buah durian untuk melawat Malaysia, terutamanya ketika musim durian.

4. Memajukan Pelancongan Berkaitan Durian: Untuk merealisasikan saranan ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) harus bekerjasama dengan industri penerbangan serta agensi-agensi pelancongan bagi mempromosikan pakej pelancongan durian. Inisiatif ini merangkumi lawatan ke dusun-dusun durian di seluruh Malaysia. Usaha sebegini ini berpotensi meningkatkan pendapatan pengusaha dusun durian tempatan, menarik lebih ramai pelancong asing, dan memastikan sektor pelancongan terus menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Ini kerana ketibaan peminat durian dari luar negara bukan sahaja akan meningkatkan jualan buah durian, malah turut merangsang perbelanjaan dalam sub-sektor industri pelancongan seperti makanan, penginapan, pengangkutan, dan lain-lain. Kesan ini dijangka memperkukuh lagi pertumbuhan ekonomi melalui kesan pengganda, di mana permintaan tinggi terhadap durian tempatan akan memberi manfaat kepada sektor-sektor lain yang berkaitan.

5. Meningkatkan Kualiti Kepimpinan Negara: Perhatian khusus perlu diberikan kepada usaha meningkatkan kualiti kepimpinan negara. Ini kerana kepimpinan negara yang berkualiti bukan sahaja menjadi pemangkin utama dalam pertumbuhan ekonomi, malah juga memainkan peranan penting sebagai pengemudi pemangkin-pemangkin ekonomi yang lain. Oleh itu, kewujudan barisan kepimpinan yang berkualiti perlu dijadikan keutamaan dalam usaha memperkukuh tatakelola dan meningkatkan keberkesanan pentadbiran kerajaan. Pelbagai langkah boleh dilakukan untuk mencapai matlamat ini. Pertama, keamanan dan kemampanan politik perlu dipelihara, manakala gejala rasuah serta penyelewengan kuasa harus dibanteras secara tegas. Selain itu, ketelusan tadbir urus dan kebebasan bersuara juga harus diberi keutamaan. Misalnya, untuk meningkatkan keberkesanan sistem penawaran khidmat kerajaan, pihak kerajaan harus mengelakkan pelantikan politik, terutamanya di peringkat badan-badan berkanun, ataupun syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Tindakan ini akan mengurangkan tekanan politik dan secara tidak langsung tugas pegawai dalam organisasi berkenaan dapat dilaksanakan dengan lebih telus dan berwibawa. Di samping itu, latihan kepimpinan yang sesuai perlu diperkenalkan untuk menambahbaik kecekapan pegawai dan pemimpin tertinggi kerajaan. Selain itu, badan pencegah rasuah seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) harus diberi kebebasan sepenuhnya daripada cengkaman politik. Kebebasan ini penting bagi memastikan SPRM dapat melaksanakan tugas membanteras rasuah dengan telus, adil, dan saksama berdasarkan undang-undang yang sedia ada. Tambahan pula, prinsip-prinsip Rukun Negara, khususnya keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang harus dijunjung sepanjang masa. Dalam pelaksanaan usaha-usaha ini, kualiti kepimpinan negara dapat ditingkatkan, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, sekali gus menyumbang kepada kemajuan negara secara keseluruhan.

6. Menerapkan Nilai-Nilai Kepimpinan Yang Baik dalam Sistem Pendidikan Tinggi: Ciri-ciri kualiti kepimpinan negara yang baik perlu diterapkan dalam sistem pendidikan, khususnya di institusi-institusi pengajian tinggi bagi melahirkan bakal pemimpin yang beretika tinggi dan bertanggungjawab. Pendekatan ini juga harus menekankan budaya kepimpinan yang berteraskan nilai amanah, ketelusan, dan sikap proaktif. Natijahnya, institusi pengajian tinggi Malaysia akan melahirkan barisan pemimpin yang berpengetahuan luas, berwawasan, berkeperibadian mulia, yakin, mesra rakyat, telus, jujur dan amanah. Pemimpin yang berwibawa sedemikian akan memainkan peranan penting dalam merangsang pertumbuhan ekonomi yang pesat. Hal ini dapat dicapai melalui penggubalan dasar pertumbuhan ekonomi yang sepadu, saksama, proaktif, pengurusan sumber ekonomi (terutamanya sumber kewangan) secara telus dan amanah, serta pelaksanaan program pembangunan negara yang mampan dan berwawasan jauh. Gabungan usaha ini akan memudahcara pembangunan negara Malaysia MADANI serta merealisasi objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk menjamin kesejahteraan dan kemakmuran semua lapisan masyarakat.

Penghargaan

Ringkasan kertas dasar ini adalah berlandaskan sebahagian daripada hasil penemuan projek penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Universiti Penyelidikan (RUI) (No. Geran: 1001/CDASAR/8016127) dan telah diterbitkan dalam Jurnal Ekonomi Malaysia.

Rujukan

Alias, A. (2023, Jun 22). Eksport perkhidmatan Malaysia meningkat 59.3 peratus tahun lalu. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/06/1117672/eksport-perkhidmatan-malaysia-meningkat-593-peratus-tahun-lalu>

Bernama (2024, Jun 26). Eksport durian Malaysia dijangka cecah RM1.8 bilion menjelang 2030. Harian Metro, New Straits Time Press. <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2024/08/1127068/eksport-durian-malaysia-dijangka-cecah-rm18-bilion-menjelang-2030>

Jabatan Perangkaan Malaysia – DOSM (2019). Tourism Satellite Account 2019. Department of Statistics Malaysia.

Ministry of International Trade and Industry (2021). National Trade Blueprint 2021 – 2025. Malaysia External Trade Development Cooperation. <https://www.matrade.gov.my/documents/ebook/ntbp/2/>

Tan, Y. Y., Eng, A. & Robinson, E. (2010). Perspectives on growth: A political-economy framework – Lessons from the Singapore experience. In Leadership and Growth, edited by D. Brady & M. Spence (Ed.) Washington DC: World Bank.

Tang, C. F. (2023). Kesan kualiti kepimpinan negara, eksport dan pelancongan terhadap pertumbuhan ekonomi. Jurnal Ekonomi Malaysia, 57(1), 193-205.

Tang, C. F., & Lim, Y. S. (2024). The effects of telecommunication technology and leadership quality on private consumption in Malaysia. International Social Science Journal, 74(253), 895-909.

Tang, C. F., & Darit, S. M. (2015). Penentu makroekonomi kadar jenayah di Malaysia. Jurnal Ekonomi Malaysia, 49(2), 53-60.

Tang, C. F., & Tan, E. C. (2015). Does tourism effectively stimulate Malaysia's economic growth? Tourism Management, 46, 158-163.

UN Tourism (2024). Global and regional tourism performance. <https://www.unwto.org/tourism-data/global-and-regional-tourism-performance>

First Edition

First published : January 2025

Centre for Policy Research (CPR), Universiti Sains Malaysia, 2025

Published by:

Centre for Policy Research (CPR)

Universiti Sains Malaysia

11800 USM, Penang

+604-653 3389

+604-658 4820

dir_cpr@usm.my

cpr.usm.my

Centre for Policy Research (CPR)

cpr_usm

cprusm



Academic editing by Sazlina Salleh, Chor Foon Tang
Copy editing and proof-reading by Azeem Fazwan Ahmad Farouk
Layout and design by Norazrina Md Jabarullah

e ISBN 978-967-10805-4-2



9 789671 080542